

PM minta rakyat amal sikap 'Kaizen'

@ Dr. Mahathir.

JITRA, Sabtu — Rakyat, termasuk pekerja di sektor awam dan swasta diminta mengamalkan konsep 'Kaizen' iaitu tidak berpuas hati dengan apa yang dicapai, supaya kemajuan negara berkembang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata konsep itu, yang diamalkan oleh penduduk Jepun, membolehkan kemajuan negara dirancang dan meningkat tanpa melalui ruang-ruang inovasi yang kadangkala mengambil masa yang lama untuk dicapai.

"Jepun mencapai kemajuan kerana rakyatnya tidak akan berpuas hati dan berusaha membaiki pencapaian dalam semua bidang pada setiap masa," katanya di majlis perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan daerah Kubang Pasu di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh, pada zaman pemerintahan British, kemajuan negara berkembang apabila berlaku perubahan secara mendadak, seperti penemuan bijih timah.

"Keadaan itu bagaimanapun kembali biasa dan mendadak semula selepas beberapa tahun apabila

BM 13 MAR 1988

British membawa masuk benih getah ke negara ini," katanya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, rakyat sama ada pekerja biasa atau berpangkat tinggi perlu berusaha lebih bagi memastikan kemajuan yang dicapai terus berkembang.

Perlu bertanggungjawab

Perdana Menteri yakin negara boleh maju dan dihormati seperti negara-negara lain kerana Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi sebuah negara maju.

"Tidak ada sebab kita tidak boleh berbuat demikian kerana kita mempunyai cukup tenaga dan tanah yang subur serta tidak mengalami bencana alam yang besar," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, rakyat, termasuk pegawai kerajaan perlulah bertanggungjawab dan

melaksanakan tugas dengan sempurna bagi mencapai matlamat itu.

Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah pihak yang tidak mahu tertakluk kepada kerajaan dan bertindak sesuka hati.

Beliau berkata, rakyat bukan saja perlu menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara, tetapi kepada sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini supaya kerajaan dapat berjalan dengan berkesan.

"Kita bukan hendak mengongkang mereka, tetapi mereka perlu ingat, sebagai pegawai kerajaan mereka perlu meletakkan kesetiaan selepas kerajaan dibentuk untuk kebaikan negara dan rakyat.

"Siapa yang cuba melemahkan kerajaan bererti mereka mengkhianati hasrat rakyat," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada juga sesetengah wakil rakyat mementingkan kuasa dan kurang berkhidmat untuk membangunkan negara.

"Ini bukan jenis orang yang kita mahu kerana kita mahukan wakil-wakil rakyat yang sedia berkhidmat kepada rakyat," katanya.